



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PAMERAN PERKAHWINAN MALAYSIA SEMARAKKAN HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

PUTRAJAYA, 10 September 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menjemput orang ramai menyaksikan **Pameran Perkahwinan Malaysia** yang mengetengahkan warisan perkahwinan enam (6) etnik utama iaitu **Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan Dusun dan Siam**. Pameran ini akan berlangsung pada **12 hingga 16 September 2025**, bermula dari jam **9.00 pagi hingga 10.00 malam** di **Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur**.

Pameran ini merupakan sebahagian daripada Festival Budaya Malaysia 2025 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang **meraikan kepelbagaian warisan budaya negara**. Para pengunjung berpeluang melihat sendiri **keunikan majlis perkahwinan, pakaian pengantin dan barangan hantaran tradisional** yang menjadi simbol adat dan identiti setiap komuniti.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata **"setiap budaya yang kita warisi adalah cerminan nilai dan jati diri bangsa. Apabila kita saling memahami, menghormati dan menerima perbezaan, maka lahirlah keharmonian yang menjadi kekuatan sebenar Malaysia. Inilah semangat Malaysia MADANI yang harus terus kita semarakkan."**

Kementerian berharap penganjuran pameran ini bukan sahaja memberi pengalaman unik kepada pengunjung, tetapi juga menanam rasa kebersamaan, mengukuhkan persefahaman, dan memperteguh ikatan rakyat pelbagai kaum demi pembinaan negara bangsa yang harmoni dan sejahtera.

Kementerian Perpaduan Negara
10 September 2025
KPN.100-9/1/16 (77)